

BH, page C33
24/1/19



Antara anak, kerjaya

CANTIK dan berkerjaya adalah dua perkara yang sinonim dengan wanita berjaya. Tambah membahagiakan apatah pula individu itu memiliki keluarga di samping cahaya mata penyeri kehidupan bersama. Bukan mudah menguruskan dua perkara dalam satu masa. Malahan, kerjaya dan rumah tangga adalah perkara yang sama penting dan tidak boleh dipandang sebelah mata. Banyak masa dan perhatian yang perlu diperuntukkan, selain banyak hati yang perlu dijaga.

PANDUAN IBU BERKERJAYA

WANITA yang bekerja merangkap isteri dan ibu sering kali berdepan dilema atau terdetik perasaan bersalah apabila tidak dapat sentiasa bersama anak, terutama jika anak dalam tahap pertumbuhan yang memerlukan perhatian lebih.

Meninggalkan anak hanya bersama dengan pengasuh sememangnya ingin dihindarkan, tetapi sering kali wanita berkerjaya tiada pilihan kerana pekerjaan di pejabat pun mendesak untuk segera diselesaikan.

Hakikatnya, kesibukan pekerjaan dan keluarga adalah dua hal sering kali membuat wanita berkerjaya sukar membahagikan waktu. Tuntutan di tempat kerja biasanya menjauhkannya dari rumah dengan tugas mesti dilaksanakan dan sesuatu yang tidak dapat ditunggu sehingga esok sehingga sukar meluangkan waktu untuk keluarga.

Bagaimanapun, usah berasa terlalu tertekan kerana ibu berkerjaya juga masih ada cara tertentu untuk berdamping dengan permata hatinya.

LUANGKAN WAKTU SEBELUM ANAK TIDUR

JIKA anda menganggap keluarga keutamaan dalam hidup, pastikan

pulang dari tempat kerja sebelum si kecil tidur. Dengan begitu, walaupun sebentar, anda tetap dapat menghabiskan waktu untuk berbincang bersama anak. Periksa lagi kelengkapannya untuk sekolah esok hari, pastikan pekerjaan rumah dan tugas lainnya sudah diselesaikan. Cara begitu, anak anda pun mengerti bahawa meskipun ibunya pergi bekerja, tetapi tidak bererti keperluannya diabaikan.

HUJUNG MINGGU TANPA PENGASUH

HUJUNG minggu adalah saat yang tepat untuk menyegarkan fikiran dengan berjalan-jalan bersama keluarga. Paling penting, sebenarnya adalah perhatian, meskipun hanya beristirahat di rumah, pastikan anda memiliki waktu yang berkualiti berdua dengan anak. Bagi wanita berkerjaya yang jadual kerjanya tidak cuti pada hari hujung minggu, lakukan perkara sama walaupun harinya berbeza.

DAHULUKAN KEUTAMAAN

JANGAN bawa pekerjaan di pejabat ke rumah. Di rumah, anda adalah milik suami dan anak-anak. Saat itu nikmati waktu berharga bersama



keluarga tercinta.

KOMUNIKASI

MESKIPUN hanya sebentar, komunikasi adalah kunci utama. Sesibuk sekalipun bekerja, jangan lupa menghubungi anak di rumah dan pantau terus setiap kegiatannya. Jangan sampai anda tidak tahu apa saja yang dilakukan di rumah mahupun di tempat kegiatan lain kerana terlalu sibuk dengan pekerjaan.

AMBIL CUTI ATAU BERHENTI JIKA TIADA PILIHAN

MEMILIKI anak adalah komitmen. Meskipun akan menjadi dilema,

usahakan fokus mengambil berat mengenai anak khususnya pada kesihatan anak jika sedang sakit. Sebolehnya, anda sendiri yang membawa anak berjumpa doktor jika sakit. Berbuat demikian membolehkan anda akan mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai penyakit yang dihadapi anak dan bukan mendengarnya melalui orang lain. Tindakan yang anda boleh buat ialah mengambil cuti ataupun berhenti sementara jika keadaan terlalu mendesak.